

99-3890

# Krisis Politik & Ekonomi di Malaysia

APB 9519501  
NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
09 JUL 1999

M  
330.9595  
UM  
OU/aw

Ucapan Mengenai Belanjawan 1999  
oleh Lim Kit Siang

# Kandungan

Penolakan Belanjawan 1998.....	1
Kedaulatan undang-undang tergugat.....	5
Pemerintahan Undang-undang & Kedaulatan Undang-undang.....	10
Semangat politik yang membara.....	15
Testimoni 24/10/98.....	20
Pilihanraya umum awal.....	28
Kawalan Modal - Persoalan.....	31
Bail-out dan Kapitalisma Kroni.....	38
Perangkap Kecairan.....	43
Selamatkan dan bukannya jahanamkan ekonomi.....	45
Adakah MCS itu 'wap' sahaja?.....	47

# Krisis Politik & Ekonomi di Malaysia

---

*Ucapan semasa menyertai perbahasan ke atas Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat pada Isnin, Oktober 26, 1998*

---

*DAP menyeru supaya diselesaikan dengan segera krisis politik yang semakin mendadak di Malaysia demi memulihkan sepenuhnya keyakinan untuk menghasilkan pemulihan ekonomi dalam tempoh yang paling singkat*

Semua Menteri, Ketua Menteri, Menteri Besar serta media massa telah menyuarakan pujian mereka terhadap Belanjawan 1999 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Parlimen Jumaat lepas. Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik menghuraikannya sebagai "belanjawan yang sensitif dan penyayang yang mencerminkan sikap penyayang Perdana Menteri" sementara seorang lagi Menteri berkata bahawa ia adalah "bagus dan pragmatik" dan akan membawa ekonomi negara kita menuju ke arah pemulihan dengan pantas.

Saya teringat puji-pujian yang pernah dilaungkan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada bulan Oktober tahun lepas apabila beliau membentangkan Belanjawan 1998, di mana surat-surat khabar memaparkan tajuk-tajuk besar yang menarik seperti "Belanjawan Nasional Yang Memerangsangkan Keyakinan Untuk 1998" (New Straits Times), "Adunan

Bagus - Anwar mendedahkan langkah-langkah merangsangkan keyakinan” (The Star), “Perangsang Keyakinan” (The Sun) serta “Preskripsi Yang Tidak Dapat Dielakkan” (Business Times) sementara Menteri-menteri Barisan Nasional seperti Presiden MCA Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik serta Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berlumba-lumba memujinya sebagai “cara mengatasi masalah ekonomi masa kini secara tidak menyakitkan”. Liong Sik berkata bahawa Belanjawan 1998 Anwar itu adalah “satu lagi belanjawan yang bagus dan penyayang”!

Mereka yang tidak berhenti-henti memuji Belanjawan 1998 Anwar kini pula memuji tidak berhenti-henti Belanjawan 1999 Mahathir, sungguhpun Belanjawan 1999 sebenarnya menolak Belanjawan 1998, menuduhnya sebagai punca tercetusnya berbagai jenis masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara masa ini. Dengan memuji Belanjawan 1999, para Menteri ini sebenarnya telah menolak dan mengutuk kata-kata puji yang disuarakan oleh mereka sendiri terhadap Belanjawan 1998 tahun lepas!

Dalam pembentangan Belanjawan 1999 beliau, Mahathir telah menyalahkan Belanjawan 1998 Anwar yang mengurangkan tempoh klasifikasi hutang tak berbayar (NPL) dari enam bulan ke tiga bulan dan menghadkan pertumbuhan kredit kepada 25% pada akhir tahun 1997 sebagai “ternyata mengakibatkan kesan yang amat negatif kepada pasaran kewangan dan ekonomi” dan bahawa “tidak ada asas langsung untuk mengesahkan NPL kerana sistem perbankan mempunyai peruntukan yang lebih daripada mencukupi bagi hutang tak berbayar”.

Ini sungguh berbeza dari reaksi terbukanya sebaik sahaja Anwar membentangkan belanjawan 1998 di Parlimen pada 17 Oktober tahun lepas, di mana beliau mengucapkan tahniah secara terbuka kepada Anwar atas ucapan Belanjawannya. Malah Tun Daim Zainuddin sendiri telah memuji Belanjawan 1998 sebagai "bagus" yang telah membalas kekhuatiran yang berbangkit mengenai keadaan ekonomi.

Pengerusi Kumpulan Arab-Malaysia, Tan Sri Azman Hashim menyuarakan sokongan beliau sebaik sahaja Belanjawan 1998 yang dikatakannya sebagai "inisiatif Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi sistem perbankan", menghuraikan peraturan-peraturan baru mengenai klasifikasi semula hutang tak berbayar dari enam bulan ke tiga bulan, mengekalkan provisi am yang lebih tinggi pada 1.5% dan penzahiran yang lebih telus terhadap hutang tak berbayar sebagai "langkah-langkah yang betul".

Pengerusi Kesatuan Bank-bank Malaysia, Amirsham A. Aziz juga memuji keputusan mengurangkan tempoh klasifikasi NPL dari enam bulan ke tiga bulan kononnya ia akan "meletakkan industri ini sama tarafnya dengan piawai operasi yang diiktiraf antarabangsa." Kata beliau: "Langkah ini bukan sahaja memastikan ketelusan yang lebih dalam pengurusan institusi perbankan di negara ini tetapi juga menyuntik lebih keyakinan terhadap kekukuhan dan kekuatan institusi-institusi kewangan."

Perlu diberi perhatian bahawa Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang dirangka oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada Julai tahun ini tidak pernah mengutuk

klasifikasi NPL sebagaimana yang dilakukan oleh Mahathir dalam Belanjawan 1999nya. PPEN menghuraikan langkah-langkah kewangan yang diperkenalkan ke dalam Belanjawan 1998 oleh Anwar sebagai "memperkuatkan piawai-piawai cermat" bagi bank-bank. Cara Belanjawan 1999 menolak Belanjawan 1998, yang pernah diberi kata-kata pujian tidak terhingga oleh Perdana Menteri serta Menteri-menteri kanan, menunjukkan betapa singkat dan pendek tempohnya puji-pujian itu - dan ini membangkitkan persoalan mengenai bagaimanakah Belanjawan 1999 akan dilihat dan dinilai dalam tempoh 12 bulan nanti oleh orang-orang yang sama yang kini memujinya.

Belanjawan 1999 membelakangkan dasar-dasar fiskal berjimat-cermat yang dihubung-kaitkan dengan bekas Menteri Kewangan Anwar dengan memihak kepada pergalakkan pengembangan ekonomi dengan difisit belanjawan besar sebanyak RM16.1 bilion susuran belanjawan defisit RM9.6 bilion tahun ini. Ini merupakan perubahan dari lebihan fiskal untuk tempoh lima tahun yang lepas, termasuk lebihan RM6.6 bilion untuk tahun 1997 - yang menyebabkannya memiliki elemen pra-pilihanraya umum.

Isu-isu yang berbangkit dari Belanjawan 1999 adalah samada kerajaan akhirnya merangka pelan pemulihan ekonomi kebangsaan yang dapat menghalakan negara ke arah pemulihan ekonomi dengan mengatasi masalah pemulihan keyakinan, samada kawalan modal dan pertukaran asing adalah baik untuk Malaysia dan samada tabung-tabung awam akan dipergunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni.

***Belanjawan 1999 dibayangi oleh huru-hara politik dalam tempoh dua bulan yang lepas***

Bagaimanapun, Belanjawan 1999 telah sama sekali dibayangi oleh huru-hara politik dalam dua bulan yang lepas, khasnya pada hari belanjawan dan hari Sabtu, menyerlahkan betapa pentingnya asas-asas politik yang mesti ditangani sekiranya masalah pemulihan keyakinan hendak diatasi dengan berjayanya.

Sekiranya kerajaan menghadapi krisis politik yang semakin serius dan mendalam, maka adalah jelas masalah pemulihan keyakinan tidak akan dapat diatasi dan atas sebab inilah DAP menyeru supaya diselesaikan segera krisis politik yang semakin mendadak ini untuk membolehkan usaha pemulihan keyakinan mencapai kesan yang diinginkan supaya ekonomi dapat dipulihkan dalam tempoh yang paling singkat.

Krisis politik di negara ini bukan hanya terhad kepada perlucutan, penahanan dan tuduhan-tuduhan serius yang ditujukan ke atas Anwar Ibrahim, suatu perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita, tetapi melepasi kes Anwar Ibrahim dan melibatkan harapan dan aspirasi mendalam rakyat Malaysia terhadap keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran baik.

Dalam ucapan belanjawannya, Mahathir mengutuk "pemerintahan samseng" dan berkata bahawa Malaysia negara demokratik dan mengamalkan pemerintahan mengikut undang-undang.

Kata beliau: "Negara kita aman dan tenteram selama ini kerana kita berpegang teguh kepada amalan-amalan demokratik dan kita

menyelesaikan sebarang tuduhan melalui proses undang-undang.”

Kata beliau lagi: “Pengadilan dalam negara kita dibuat melalui proses penghakiman yang tertib dan teratur. Parti kerajaan dan pemimpinnya tidak dikecuali daripada didapati bersalah dan dihukum oleh Mahkamah di Malaysia.” Ini juga merupakan penekanan kenyataan Mahathir Khamis lepas selepas mesyuarat pra-majlis para Ahli Parlimen Barisan Nasional di Bangunan Parlimen - bahawa pengadilan tidak mengenal bulu atas alasan “ia membuat banyak keputusan yang tidak mengambil kira kepentingan kerajaan”.

Beliau berkata bahawa sistem pengadilan di Malaysia tidak seperti sesetengah negara lain “yang sepastinya membuat keputusan yang memihak kepada Kerajaan.”

Kes yang suka digunakan oleh Mahathir untuk menunjukkan bahawa sistem pengadilan di Malaysia adalah adil dan bahawa dalam banyak kali mahkamah membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan adalah kes UMNO yang diisytiharkan haram dalam tahun 1988.

Tetapi itu telah berlaku sedekad yang lepas, sebelum tercetusnya krisis kehakiman paling buruk di dalam sejarah Malaysia, yang menyebabkan Ketua Hakim masa itu, Tun Salleh Abas, serta dua hakim Mahkamah Agong dilucutkan jawatan.

Sejak itu, keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman telah merosot dan tidak pernah dipulihkan ke tahap sebelum tercetusnya krisis badan kehakiman 1988.



Bulan yang lepas, semasa bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini, saya pernah membangkitkan kepada Mahathir bahawa beliau tidak mempraktikkan semangat 'kedaulatan undang-undang' (rule of law) tetapi 'pemerintahan undang-undang' (rule by law) - yang merupakan salah satu sebab tercetusnya krisis politik masa kini.

Sekiranya ujudnya semangat 'kedaulatan undang-undang' dan bukannya 'pemerintahan undang-undang', Anwar Ibrahim kini sepastinya masih merupakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana perlantikan Kabinetnya itu belum ditarik balik menerusi proses perlembagaan yang sewajarnya.

Jumaat yang lepas, semasa Mahathir berdiri untuk membentangkan ucapan belanjawan sulungnya, Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP merangkap Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh, membangkitkan isu perlembagaan mengenai siapakah yang sebenarnya Menteri Kewangan.

Mahathir seterusnya memberitahu pihak media bahawa perlantikan beliau sebagai Menteri Kewangan Pertama telah diwartakan pada 5 September dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kerajaan.

Tidak siapa yang mempertikaikan hak Perdana Menteri melantik atau melucutkan perlantikan mana-mana Menteri Kabinet, tetapi perlantikan atau pelucutan berkenaan mesti dilakukan selaras dengan peruntukan perlembagaan sekiranya ia hendak memiliki kedudukan yang sah dan wajar.

Adalah jelas mengikut Fasal 43(5) Perlembagaan Persekutuan bahawa sungguhpun merupakan hak Perdana Menteri untuk memutuskan siapa yang akan membentuk komposisi Kabinetnya, semua perlantikan Kabinet atau perlucutan hendaklah dilakukan oleh Yang di Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Fasal 43(5) Perlembagaan Persekutuan berbunyi: "Tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong, melainkan jika perlantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya."

Oleh sebab Anwar tidak meletakkan jawatannya dari Kabinet secara suka rela, maka pelucutannya sebagai Menteri Kewangan hanya akan sah dari segi perlembagaan sekiranya Yang di Pertuan Agong telah membatalkan perlantikan Kabinetnya atas nasihat Perdana Menteri.

Memandangkan pengumuman awal pelucutan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September serta penjelasan yang diberikan oleh Perdana Menteri di dalam dan di luar Parlimen Jumaat yang lepas telah memberikan gambaran jelas bahawa Yang di Pertuan Agong hanya dinasihati oleh Perdana Menteri mengenai pelucutan Anwar dan Yang di Pertuan Agong belum lagi membatalkan perlantikan Anwar sebagai Menteri Kewangan mengikut nasihat Perdana Menteri, maka berlakulah satu isu perlembagaan yang serius mengenai samada Anwar Ibrahim kini masih merupakan Menteri Kewangan.

Yang di Pertuan Agong harus menuruti Fasal 130 Perlembagaan Persekutuan dan merujuk hal ini kepada Mahkamah Persekutuan untuk mendapatkan pendapat mengenai samada Anwar Ibrahim masih merupakan Menteri Kewangan memandangkan perlantikannya belum dibatalkan mengikut peraturan Fasal 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 130 Perlembagaan Persekutuan berbunyi: "Yang di Pertuan Agong boleh merujuk kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya apa-apa soal tentang kuatkuasa mana-mana peruntukan Perlembagaan ini yang telah timbul atau yang pada pendapat Yang di Pertuan Agong mungkin timbul, dan Mahkamah Persekutuan hendaklah mengumumkan pendapatnya mengenai apa-apa soal yang dirujuk kepadanya itu dalam mahkamah terbuka."

Oleh sebab ujudnya kekhuatiran bahawa di Malaysia hanya ada pemerintahan undang-undang dan bukannya kedaulatan undang-undang, maka pada bulan lepas, 14 orang aktivis hak-hak asasi, termasuk bekas Ketua Hakim Tun Suffian serta tiga orang bekas Presiden Majlis Peguam, Raja Aziz Addruse, Dato Param Cumaraswamy serta Zainur Zakaria, telah mengeluarkan satu kenyataan umum bersama mengenai "Kedaulatan Undang-undang Tergugat" (Rule of Law Under Threat) dan memberi amaran mengenai "prinsip kedaulatan undang-undang serta prinsip keadilan semulajadi semakin diabaikan dan semakin terhakis" di Malaysia.

Kenyataan Bersama itu menekankan bahawa "Kedaulatan undang-undang dan prinsip-prinsip keadilan semulajadi merupakan tulang belakang sesebuah masyarakat yang progresif

dan tamadun” yang “memastikan bahawa hak-hak rakyat tidak dicabuli dan bahawa setiap orang dilayan sama rata oleh undang-undang”.

Apa yang Mahathir serta Malaysia harus tumpukan adalah krisis keyakinan terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman dalam tahun 1998, yang jelas telah mencapai tahap yang lebih rendah lagi dari sedekad yang lepas, semasa krisis badan kehakiman yang pertama kali serta yang paling buruk berlaku.

Apa yang dikhuatiri oleh rakyat Malaysia bukanlah keadaan badan kehakiman sebelum tahun 1988, tetapi keadaannya pada tahun 1998, khasnya keadaannya dalam tempoh 1988-1998.

Saya tidak akan memetik dari cendekiawan-cendekiawan perundangan dunia Barat mengenai isu krisis keyakinan terhadap badan kehakiman serta betapa buruknya kedaulatan undang-undang di Malaysia, supaya kerajaan tidak akan menuduhnya sebagai konspirasi dunia Barat yang memperkecil-kecilkan Malaysia.

### ***Rais Yatim - Pemerintahan Undang-undang dan bukannya Kedaulatan Undang-undang***

Sebaliknya saya akan memetik dari seorang pemimpin UMNO yang dihormati yang mana dalam tempoh dua bulan ini, telah melawat ke seluruh negara menerusi roadshow untuk mendapatkan sokongan para ahli UMNO terhadap Perdana Menteri selepas beliau melucutkan jawatan serta menahan Anwar Ibrahim menerusi cara yang tidak pernah berlaku.

Dalam bukunya "Kebebasan di Bawah Kuasa Eksekutif di Malaysia" (Freedom under Executive Power in Malaysia) yang diterbitkan dalam tahun 1995, bekas Menteri UMNO Dr. Rais Yatim menulis tentang "konflik di antara kedaulatan undang-undang dan kuasa eksekutif di Malaysia", mengenai bagaimana kuasa eksekutif di Malaysia telah dipergunakan secara sewenang-wenangnya memaksa badan kehakiman serta parlimen bertukar menjadi "pak turut", "kebebasan" yang ujud di Malaysia hanya tinggal nama sahaja dan semua ini mengancam kedaulatan undang-undang. Buku Rais adalah penting kerana ia menyerlahkan sebab-sebab mendalam yang mencetuskan krisis politik yang kini mencengkami negara kita.

Dalam mukadimah buku beliau, Rais menulis: "Pendorong yang membuat saya menulis buku ini adalah cara mudah yang mengejutkan di mana kuasa pemerintah melucutkan badan kehakiman Malaysia dalam tahun 1988. Saya juga sama terbingung oleh kekurangan keadilan dalam segi hak bersuara; kuasa monopoli pihak pemerintah ke atas media; serta ketidakhadiran kebertanggungjawaban pada keseluruhannya dalam soal pengendalian hak kewarganegaraan. Saya mula bertanya: Untuk betapa lamakah dan sampai ke tahap apakah pihak eksekutif akan terus mengongkong hak-hak asasi warganegara serta kuasa-kuasa semulajadi badan kehakiman yang begitu penting bukan hanya dalam proses kita mengejar cara hidup demokratik yang berdaya maju, tetapi juga dalam soal keadilan pemerintahan? Adakah kedaulatan undang-undang hanya merupakan fikiran masa lampau ataupun ia akan terus menjadi sebahagian dari batu tanda jalan masa depan negara Malaysia?"

“Tidak pernah sekali pun saya menyedari bahawa badan kehakiman boleh dilayan sebegitu caranya oleh eksekutif. Dalam tahun 1988 semasa Tun Salleh Abas dilucutkan dari jawatannya sebagai Ketua Hakim Negara bersama-sama rakan-rakan sejawatnya, ramai orang jelas merengek. Rakyat Malaysia terperanjat dengan serangan ke pusat kebebasan ini. Serangan-serangan yang pada masa yang sama melengkapkan pihak eksekutif dengan kuasa-kuasa menggerunkan ini telah mengganggu mekanisma penyemak dan mengimbang (check and balance) yang begitu penting dalam satu sistem yang mendakwa dirinya sebagai demokratik dan berpandukan kedaulatan undang-undang. Kuasa-kuasa ini, tidak kira betapa bersifat mendesak atau terbatasnya mereka, telah mencipta satu jenis budaya yang pada tahun-tahun kebelakangan ini, menghasilkan budaya takut di dalam sebuah masyarakat yang telah kehilangan kritikalnya. Pemerintahan undang-undang dan bukannya kedaulatan undang-undang telah menjadi pengganti dan keutamaan di hampir kesemua aspek pemerintahan rakyat.”

Dalam buku beliau, Rais menunjukkan bahawa pihak Eksekutif, dengan mempergunakan keadaan tegang, alasan keselamatan dan ketenteraman awam, berjaya mengekalkan undang-undang darurat sunggupun asas yang menyokong darurat telah lama berlalu. Beliau juga membuktikan bahawa dengan menghadkan hak-hak asasi yang terjamin oleh Perlembagaan serta sesetengah undang-undang statut, khasnya yang berkaitan dengan kebebasan bersuara, berhimpun dan berkesatuan, pihak eksekutif telah menekan perkembangan kedaulatan undang-undang dan hak asasi manusia.

Beliau menulis: "Kita di sini tidaklah terlalu prihatin tentang konsep-konsep tanpa batasan serta idealistik hak-hak asasi manusia yang nyata sekali dikaitkan dengan hak-hak rakyat Amerika dan Eropah tetapi tentang hak-hak yang paling asas kepada manusia zaman kini seperti haknya terhadap kebebasan bersuara, bergerak, berkesatuan serta penyeimbangan di mahkamah. Buku ini mempersoalkan ketidak hadirannya infrastruktur untuk demokrasi dan kedaulatan undang-undang di dalam satu persekitaran yang sepatutnya menyebarkanluaskannya."

Rais percaya bahawa badan kehakiman negara ini adalah agak bebas sehingga tahun 1988 di mana krisis badan kehakiman yang tercetus dalam tahun berkenaan telah menyekat kebebasan badan berkenaan dan sejak itu keadaan tidak pernah pulih. Kuasa badan kehakiman di Malaysia hanya wujud dalam lingkungan yang dibenarkan oleh pihak eksekutif sahaja.

Berikut merupakan kesimpulan yang diperolehi oleh Rais mengenai kebebasan badan kehakiman dan kedaulatan undang-undang: "Badan kehakiman telah kalah dalam pertarungan mengawal kuasa eksekutif yang sembarangan. Kuasa eksekutif yang secara terus meminda urusan dan status quo badan kehakiman menerusi cara yang diperlihatkan oleh kuasa eksekutif Malaysia ini memang sesuatu yang jarang berlaku dan cara serangan ke atas badan kehakiman dalam tahun 1988 tidak berlaku dalam dunia demokratik bebas. Inilah negara yang tersangkut dengan kekuatan pihak eksekutif, muncul selepas dua belas tahun pemerintahan darurat *de facto* yang diikuti oleh 32 tahun 'darurat dalam zaman aman'. Maka adalah tidak sukar untuk memahami mengapa kedaulatan undang-undang telah disalahfaham

sebagai cuma ketenteraman awam dan demokrasi pula cuma pemerintahan majoriti.”

Beliau berkata bahawa hasil dari majoriti berlebihan yang dikuasai di Parlimen oleh satu parti politik yang sama sejak merdeka tahun 1957, maka kini adalah silap jika menganggap bahawa Parlimen Malaysia melindungi hak-hak dan kebebasan. Sebenarnya, dalam banyak keadaan, institusi ini telah bertukar menjadi pengeluar lesen untuk menindas kebebasan.

Adalah penting untuk memperhatikan bahawa Rais telah memberikan enam alasan menjelaskan mengapa Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak lagi diperlukan dan bertegas supaya ia harus dihapuskan.

Rais memberi komennya bahawa: “Ironi di sini adalah sementara pihak British menggunakan ‘penahanan tanpa bicara’ sepanjang tempoh sesuatu darurat, pihak berkuasa masa kini pula menggunakan kuasa berkenaan dalam pemerintahan setiap harinya. Fakta bahawa kerajaan memilih untuk mengekalkan kuasa yang menggerunkan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini tanpa sebarang asas adalah semata-mata pilihan politik. Sebenarnya telah ujud kuasa yang secukupnya yang boleh digunakan oleh pihak eksekutif dalam menangani sebarang pemberontakan, jenayah atau kekecohan sosial tanpa menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri masa ini.”

Satu sebab penting ujudnya krisis politik serius di Malaysia masa kini adalah kerana semakin ramai rakyat Malaysia yang menyuarakan persoalan-persoalan yang dikemukakan



oleh Rais di dalam bukunya itu - sungguhpun Rais sendiri nampaknya telah berhenti bertanya soalan-soalan berkenaan - mengenai keadilan dan kebebasan, mengenai kebebasan badan kehakiman, kuasa eksekutif sembarangan, media yang bebas, kebertanggungjawaban dan ketelusan, hak asasi rakyat, budaya takut dan ketidakadilan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

***Semangat politik yang membara  
di kalangan rakyat Malaysia***

Rakyat Malaysia yang dahagakan perubahan, keadilan sosial, lebih ruang terbuka, kebebasan, keadilan, bertanggungjawab, ketelusan dan integriti dalam kehidupan awam, kini telah menunjukkan semangat politik yang membara.

Semangat politik yang mahukan perubahan politik dan pembaharuan sebenarnya telah ujud sebelum Anwar Ibrahim dilucutkan jawatannya pada 2 September menerusi cara yang paling memeranjatkan dan yang tidak pernah berlaku serta cara media massa membicarakan dan menjatuhkan hukuman ke atasnya atas alasan 'jenayah yang sungguh kejam', cara penahannya yang bercorak komando seakan-akan rumah kediamannya di Damansara Height itu adalah ibu pejabat rangkaian pengganas antarabangsa, penahanannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang buruk namanya diikuti dengan mata lebam yang mendatangkan kesan hebat sedunia semasa beliau dibawa ke mahkamah untuk menghadapi tuduhan sepuluh hari kemudian, serta penahanan berterusannya di penjara Sungai Buloh walaupun beliau telah dilepaskan dari tahanan ISA.

Krisis ekonomi semakin serius dan paling buruk di sejarah Malaysia ini, bersama-sama dengan berbagai krisis-krisis lain termasuk politik, kehakiman, alam sekitar, maklumat, serta krisis mengenai rasuah, kronisma dan nepotisma (KKN), semuanya membantu melahirkan senario politik yang baru di Malaysia.

Disebabkan oleh kebangkitan semangat perubahan politik yang mendalam dalam kesedaran masyarakat umum Malaysia, maka DAP telah mencapai kemenangan pilihanraya kecil bertahap Richter-6 di Teluk Intan bulan Mei tahun lepas dan PAS pula mencapai kemenangan tahap Richter-5 di pilihanraya kecil Arau Julai tahun ini.

Sekiranya angin Teluk Intan meniup dalam pilihanraya umum nanti, maka 27 kerusi MCA, Gerakan dan MIC tidak lagi selamat; sekiranya angin Arau yang meniup, maka 23 kerusi parlimen UMNO akan menghadapi risiko - semua ini menandakan kemungkinan Barisan Nasional kehilangan kuasa majoriti 2/3 di Parlimen sesuatu yang mungkin dan dekat - dan ini bererti gempa bumi terbesar bagi politik Malaysia.

Pelucutan Anwar menerusi cara yang tidak pernah berlaku serta perkembangan-perkembangan yang seterusnya yang mengejutkan malah mengoncang rakyat Malaysia yang selama ini bersikap agak apati dan acuh tak acuh terhadap perkembangan politik kini telah menghasilkan kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu yang akan membantu menggerakkan angin perubahan politik yang lebih kuat dan meluas di negara ini.

Antara peristiwa-peristiwa yang mengejutkan dan melampau yang berlaku dalam tempoh ini termasuklah:

- pembelasahan bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim pada malam pertama penahannya semasa mata beliau tertutup kain dan tangan digari, sehinggakan beliau kehilangan kesedaran; keengganan pihak berkuasa menubuhkan satu pasukan penyiasatan bebas ke atas serangan pihak polis ini dan sikap melengah-lengah yang melampau dalam penyiasatan pihak polis ke atas kes yang sepatutnya diberi keutamaan dan jelas tidak perlu masa satu minggu untuk selesaikan semua penyiasatannya ini;
- penggunakn ISA secara sewenang-wenangnya dan secara sistematik untuk memalukan si penahan, dengan mencabuli harga-diri mereka, menjatuhkan dan mepatahkan martabat serta ketahanan mereka, membasuh otak mereka sehinggakan mereka bersedia mengikut apa sahaja arahan-arahan penawan mereka;
- kes-kes yang ganjil dan luar biasa melibatkan adik angkat Anwar iaitu Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, serta bekas penulis ucapannya Dr. Munawar Ahmad Anees, kedua-dua mereka yang dijatuhkan hukuman pada 19 September setelah mengaku salah kononnya diliwat oleh Anwar dalam dua peristiwa yang berasingan;

- Penahanan berterusan Presiden Jamaah Islah Malaysia (JIM), Haji Shaari Haji Dungib, Ruslan Kassim, Abdul Malek Hussein dan peguam Zulkifli Nordin di bawah ISA

Saya bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri bahawa kita tidak mahu pemerintahan samseng di Malaysia. Pada hakikatnya, saya pernah berkata secara terbuka bahawa rakyat Malaysia mahukan perubahan tetapi kita akan menggunakan cara Malaysia dan bukan cara Indonesia untuk mencapai hasrat perubahan kita. Rakyat Malaysia akan menggunakan kotak pengundian untuk meminta perubahan politik dan bukannya cara Indonesia yang memilih keganasan jalanan.

Bagaimanapun krisis keyakinan politik telah mendarah daging dan masa telah sampai untuk memperluaskan ruang demokratik di Malaysia supaya rakyat dibenarkan berkumpul secara aman dan menunjukkan aspirasi mereka untuk menuntut keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran baik.

DAP mengesali tindakan-tindakan ganas, samada yang dikenakan ke atas para petunjuk perasaan aman, orang awam yang tidak bersalah atau pihak polis, yang berlaku di Kuala Lumpur pada hari Sabtu yang lepas dan menyeru supaya dicari cara penyelesaian yang aman untuk menyahut permintaan politik popular yang mahukan lebih ruang demokrasi supaya hak bersuara dan kebebasan berkumpul rakyat jelata dihormati.

Sementara kerajaan dan pihak polis perlu mengiktiraf dan menghormati hak rakyat berkumpul secara aman untuk melahirkan rasa kluatir serta aspirasi mereka yang mahukan

satu masyarakat yang lebih baik menerusi cara yang berdisiplin dan aman, dan meminta diperluaskan ruang demokratik supaya hak-hak yang dilindungi oleh perlembagaan dan undang-undang kita dapat dinikmati, setiap rakyat Malaysia harus sedar tentang perlunya mengekalkan tahap disiplin yang tertinggi untuk menjaga ketenteraman awam dan undang-undang, yang merupakan sesuatu yang rapuh dalam masyarakat berbilang kaum kita.

Rakyat Malaysia tidak mahu keganasan jalanan atau pemerintahan samseng - tetapi rakyat patut diberi ruang demokratik yang lebih luas untuk menikmati hak asasi mereka berhimpun secara aman untuk melahirkan rasa prihatin dan kekhuatiran mereka. Adalah malang sekali bahawa sehingga sekarang, pihak berkuasa masih belum bersedia membalas kepada harapan demokratik yang lebih tinggi dari rakyat dan seterusnya mencipta ruang yang lebih luas supaya pandangan dan keprihatinan rakyat dapat disalurkan menerusi saluran-saluran yang lebih sesuai dan berkesan.

Keganasan hanya akan mengakibatkan keganasan, dan putaran buruk keganasan yang mencapai tahap paling buruk pada hari Sabtu harus dihentikan menerusi semangat yang baru di antara pihak berkuasa dan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan kerana pihak polis harus selalu mengekalkan kedudukan mereka sebagai rakan rakyat biasa dan bukannya musuh rakyat biasa.

Adanya laporan-laporan yang mengatakan bahawa keganasan yang berlaku pada hari Sabtu lepas telah dicetuskan berikutan cara kejam yang digunakan oleh pihak polis semasa menghadapi orang ramai yang tidak bersenjata dan cintakan keamanan di

Jalan Tuanku Abdul Rahman pada awal petang. Satu siasatan bebas harus diadakan ke atas seluruh peristiwa hari Sabtu lepas untuk memastikan apakah tindakbalas pihak polis yang wajar semasa berhadapan dengan pihak-pihak berpegangan pendapat politik berbeza yang aman.

***Testimoni mengenai Keganasan Polis  
di Jalan Tuanku Abdul Rahman 24/10/98  
pada jam 5 petang***

Berikut merupakan satu testimoni mengenai apa yang berlaku di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada petang Sabtu lepas yang telah dipaparkan di atas Internet:

“Masa itu adalah pukul lima petang, Sabtu, Oktober 24, 1998...

“Khabar-khabar angin mengatakan bahawa orang membawa bersama kerosin dan bom petrol untuk berdemonstrasi pada Sabtu ini. Ramai yang berpendapat bahawa khabar-khabar angin ini dimulakan oleh orang yang mahu supaya polis bertindak keras ke atas petunjuk perasaan tanpa belas kasihan. Bagaimanapun saya tidak mahu mengambil sebarang risiko. Kami memastikan kami tidak membawa sebarang beg atau apa-apa jua yang boleh disyaki mengandungi bahan-bahan mudah bakar. Kami bukan perusuh - hanya keluar shopping di Jalan TAR membeli slipper untuk emak tua!

“Teksi kami membawa kami melepasi Dataran Merdeka, dan ternampak trak dan pemancar air di kedua-dua belah jalan. Selepas memasuki Jalan Raja Laut, kami nampak enam trak lagi dan satu lagi pemancar air yang berhenti di depan Dewan

Bandaraya. Kami berhenti dan turun di pintu masuk Kompleks Pertama dan masa itu dah ada satu dozen pegawai polis yang menjaga pintu masuk.

“Apabila kami sampai ke pintu masuk Kompleks Pertama, kami bertemu dengan kumpulan besar pembeli-belah. Saya kata ‘pembeli belah’ kerana mereka bukannya orang muda yang marah-marah - mereka terdiri dari kanak-kanak, laki-laki dan wanita tua, keluarga. Tidak ada siapa yang menjerit, berslogan atau menyanyi. Tidak nampak sepanduk atau playcards. Semua orang nampaknya bershopping sahaja, bercakap-cakap dengan satu sama lain, membuat kerja mereka sendiri...

“Semasa kami bergerak di kalangan ramai ramai hendak menunjuk ke Jalan TAR, kami tiba-tiba terdengar jeritan ‘Reformasi’ datang dari kalangan orang ramai...

“Jeritan itu diikuti pula dengan sorakan ‘Allahu Akbar’ dan polis terus melulu masuk. Sedozen polis tanpa uniform muncul dari kalangan orang ramai dan dua tiga orang ditarik keluar, digari dan diherit rambut mereka oleh polis-polis tanpa uniform itu, macam polis hendak memberitahu semua orang - hari ini, mereka akan bertindak keras.

“Orang ramai menjadi senyap selepas itu, tetapi mereka nampaknya meluap-luap dengan kemarahan. Apabila kami cuba keluar dari tempat berkenaan, kami dengar ada orang yang berbisik-bisik ... ‘zalim’...

“Satu trak tiba di tempat kejadian dan ada orang yang membaca Akta Polis menerusi pembesar suara. Ini adalah

perhimpunan haram. Hukuman RM10,000. Satu tahun penjara. Bersurai sekarang.

Chang ramai turut bersurai. Sebarisan pegawai polis bergerak ke depan dan melambai menyuruh kami supaya keluar dan turun ke Jalan TAR. Satu barisan lagi pegawai polis mengarahkan kami masuk ke lorong belakang, menuju ke panggung wayang Coliseum dan balik ke jalan besar sekali lagi. Kami melintasi kawasan Masjid India tetapi kali ini semua pintu masuk dikekal dan nampaknya ada lebih ramai polis dari minggu lepas. Malah sesetengah polis mengambil kesempatan membeli belah di pasar Sabtu Masjid India.

Apabila kami berjalan di belakang lorong, kami terdengar suara meraung berdekatan. Ia meraung setiap lima atau sepuluh saat. Berdentu untuk beberapa minit, kemudian raung lagi. Setiap saat ia meraung, kami macam dapat dengar suasana sepi yang tenang ajak di pasar yang penuh sesak dengan pembeli-behain. Chang akau berdentu dan apa yang sedang dilakukan mereka nampaknya peribadi kepada raungan berdentuan, seperti kena pukau. Nampak di-sesaki perasaan takut....

Kami masuk dalam Coliseum sediak sededun ia dikekal. Saya menyaksikan keributan di sekeliling di bawah papan tanda panggung wayang. Suara dan sesakan itu nampaknya macam di bawah pentam berdentuan. Malah dari pentam polis yang sudah dibungkus dengan senjata api, lengkap-cukup akan merangsang ke arah-panggung. Suara tidak dikekal dan terganggu sedikit. Apabila kami berada di-koridor-koridor di atas, dalam bilik atau ke bawah bilik juga. Namun namun polis tidak menyekal siapa-siapa dalam koridor itu.



“Kami terdengar jeritan dari hala Kompleks Pertama dan ternampak pegawai polis melari menuju ke kompleks itu sambil menjerit-jerit perkataan-perkataan lucah. Sebilangan pegawai polis memaksa seorang budak ke tepi dinding dan sekumpulan lagi polis mengelilinginya. Mereka menendangnya tanpa belas kasihan.

“Beberapa saat kemudian, kami nampak seorang lelaki diheret oleh polis di sebelah hujung persimpangan berdekatan dengan Kompleks Campbell. Mula-mula sekali saya ingat dia dah pengsan, tapi kemudiannya saya terdengar rintihan kesakitan dan nampak matanya masih terbuka. Mukanya nampak bengkak dan darah mengalir keluar dari telingarnya. Dia diheret oleh polis yang memakai ski mask warna merah dan mereka dikelilingi oleh lain-lain polis tanpa uniform, semuanya memakai riben merah di lengan baju. Seorang polis tanpa uniform mendekati seorang lelaki yang memakai ski mask dan menunjuk-nunjuk ke arah Kompleks Pertama.

“ ‘OK... pergi sana sekarang dan uruskan mereka di sana.’

“Ramai sungguh polis tanpa uniform terhendap-hendap di kalangan orang ramai, mereka mungkin memerlukan riben merah itu supaya mudah dikenalpasti. Kononnya ada beberapa pegawai special branch berpakaian biasa yang telah dibelasah oleh rakan-rakan mereka sendiri dalam demonstrasi minggu lepas...

“Seterusnya sedozen lagi pegawai polis muncul dari entah mana berdekatan sebuah lorong menuju ke arah kumpulan kami. Mereka menggeram kami ‘Jalan! Jalan!

Apa tengok lagi? Bodoh!' dan mereka gunakan perkataan-perkataan lucah, maki, dan mengayun-ayunkan baton mereka untuk mengesa kami. Kami turut sahaja arahan mereka dan berganjat menuju Kompleks Campbell sekali lagi. Semasa kami berjalan, saya terhidu bau asidik di dalam udara...

"Berpusing balik, saya ternampak satu trak pancutan air yang berwarna merah 10 meter di belakang saya memancut air tebal ke udara, rupanya seperti geyser. Air itu seterusnya melimpah ke arah kami seperti sekeping selimut.

"Riuh rendah di sana-sini. Hampir-hampir dengan segera, semua orang melari-lari tak tentu arah, hanya cuba mengelakkan hujan asid itu. Dalam beberapa saat sahaja kami dapat menghidu asap membakar yang melemaskan membakar mata dan kulit kami. Jalan di depan disekat oleh pasukan FRU dan selepas nampak apa yang berlaku kepada lelaki yang diheret tadi, kami tidak berhasrat dilayan oleh penjaga undang-undang ini. Kami melari ke arah tempat meletak kereta panggung Odeon menuju ke Medan Tuanku. Orang ramai berlari-lari di antara kereta cuba mencari jalan keluar paling dekat untuk mengelakkan pancutan air.

"Kami melari ke satu lorong kecil dan terduduk di atas kaki lima di depan sebuah restoran Indian Utara di kawasan itu kerana kepenatan. Beratus-ratus orang yang berlegar-legar di sana-sini. Ramai yang lap lengan dan muka mereka dengan kami, cuba hilangkan bau busuk dari kulit mereka. Kebanyakan mereka meletakkan sapu tangan di atas mulut dan hidung mereka dan saya sendiri mula berbatuk-batuk tanpa terkawal. Asidnya dan gas pencetus mata bukannya komoditi

yang menyeronokkan.

“Seorang kawan yang kami temu di situ berkata beliau nampak ada orang melontar risalah-risalah dengan gambar Anwar Ibrahim dari sebuah bangunan yang berdekatan. Seorang yang berjalan lalu berhenti dan mengutip sehelai risalah itu. Tiga orang polis tanpa uniform dengan cepatnya muncul di depannya dan mula menendang dan memukulnya. Seorang lagi yang berjalan lalu mara ke depan meminta supaya mereka berhenti berbuat demikian. Mereka menggaru Samaritan baik itu dan beliau diheret ke sebuah trak berdekatan.

“Dalam kawasan Medan MARA, beratus-ratus orang terperangkap di dalam terowong yang penuh sesak dengan lelaki, wanita dan kanak-kanak - ramai yang menangis, menjerit-jerit kerana panik, atau menjaga cedera yang terkena semasa cuba melarikan diri dari pegawai polis yang menyerang. Udara penuh dengan asap asidik - dan kegerunan.

“Seorang budak cuba masuk ke dalam tempat letak kereta bawah tanah Kompleks Pertama untuk mengambil motosikalnya. Seorang polis tanpa uniform berkata polis sedang memeriksa tempat letak kereta itu dan tiada siapa yang dibenarkan masuk ke dalam. Beliau mencadangkan supaya budak itu tunggu saja di kawasan berkenaan buat sementara. Budak itu menurut nasihatnya dan beliau hanya berganjat beberapa langkah, tiba-tiba seorang lagi pegawai polis tanpa uniform menendang belakangnya sampai berketawa. Pegawai polis yang terdahulu itu hanya melihat sahaja.

"Seorang wanita tua berjalan melalui tempat itu, menangis-nangis - entah kerana takut atau disebabkan oleh gas pemetir mata. Dia bercakap-cakap sendiri : 'Saya hanya tunggu bas. Mengapakah buat macam ni terhadap seorang wanita tua yang hanya tunggu bas sahaja?'"...

"Sebuah lagi trak pemancur air dipandu ke Jalan TAR menuju ke arah kami dan orang ramai berlari-lari lagi secara kelam kabut. Segelombang orang menolak kami ke dalam Medan Tuanku dan menuju ke Kampung Baru. Saya terjatuh kerana melanggar sebuah motosikal yang diletak di sebelah kaki lima semasa saya ditolak oleh orang-orang lalu yang ketakutan.

"Setiap jalan dan lorong yang kami gunakan - barisan-barisan pegawai FRU dan polis sedang menunggu. Meja-meja dan kerusi-kerusi dibuang merata-rata jalan dan kaki lima sementara mereka yang sedang makan meninggalkan sahaja tempat duduk mereka untuk mencari tempat yang selamat untuk melindungi diri dari semburan asid.

"Pada masa itu dah sampai 6.30pm. Kami terpaksa balik ke Petaling Jaya untuk menyertai Forum SUARAM mengenai penghapusan ISA. Tetapi keadaan sekitar belum lagi pulih. Semasa teksi kami yang menuju ke PJ melalui Jalan Campbell, kami masih nampak beratus polis menyekat jalan, kami terdengar raungan siren, kami ternampak sekumpulan penunggang motosikal melepasi jalan semacam sedang dikejar. Saya menggeletar memikirkan apa lagi yang akan berlaku dalam beberapa jam nanti.

“Sepanjang petang itu saya tidak nampak sebarang kesan keganasan dari orang ramai. Tiada siapa yang memaki polis. Lalu lintas tidak terhalang dan tidak terjadinya kerosakan pada harta-benda di mana-mana jua. Hanya dua kali orang ramai menjerit ‘Reformasi’ dan ‘Alahu Akbar’, diikuti dengan tepukan sekali sekala. Tidak ada bendera, sepanduk dan risalah seperti minggu lepas. Untuk kebanyakan masa, beribu-ribu orang yang berada di situ hanya berdiri dan memandang orang yang bakal menyerang mereka. Itulah sahaja tahap demonstrasi yang ada.

“Tetapi adalah jelas bahawa polis tidak berniat untuk memastikan keselamatan rakyat dan harta mereka. Mereka tidak berniat menghalang mereka yang menunjuk perasaan dan menangkap orang-orang berkenaan. Adalah jelas apa arahan yang diterima oleh polis - kosongkan jalan dengan apa cara jua, tidak kira siapa yang ada di situ - tak ada satu pun mereka yang bertentangan pendapat, atau mereka yang disyaki bertentangan pendapat boleh terus berada di kaki lima. Samada yang cintakan keamanan atau tidak, semua orang dianggap bertentangan pendapat dan mesti dihukum. Negara kita tidak boleh menerima mereka yang bertentangan pendapat.

“Dan, sememangnya, mereka mengosongkan jalan - menerusi keberkesanan yang kejam sekali. Insiden-insiden yang saya nampak tidak menunjukkan bahawa polis bertindak keras - mereka hanya bertindak kejam. Tetapi dengan menanam perasaan gerun, mereka juga telah menanam benih kemarahan dan kebencian. Dan mereka telah menunjukkan kepada masyarakat dunia apakah sebab beribu-ribu rakyat Malaysia menunjuk perasaan di KL untuk enam minggu berturut-turut ini.

"Lewat petang berkenaan, laporan mengatakan bahawa lebih 30 trak pegawai polis tiba di Kampung Baru. Polis yang bersenjatakan rotan menentang penunjuk perasaan yang melontar batu ke arah polis setelah polis menembak gas pemetir mata ke dalam masjid di Kampung Baru dan menyembur beberapa tempat di kawasan berkenaan dengan pemancut air. Kakitangan di hospital berkata bahawa sekurang-kurangnya 12 penunjuk perasaan telah dibawa ke hospital untuk rawatan berikutan kecederaan dalam pertempuran itu. Polis mendakwa bahawa seorang pegawainya telah mengalami kecederaan ringan."

***Menyeru Mahathir supaya mengadakan pilihanraya umum awal untuk menyelesaikan krisis keyakinan politik yang berlarutan***

Sekiranya apa yang dilaporkan di atas itu merupakan laporan yang benar atas apa yang sebenarnya berlaku di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada awal petang Sabtu lepas, menanam benih kemarahan dan kebencian yang membawa kepada keganasan seterusnya di Kampong Baru lewat petang berkenaan, maka kerajaan dan polis harus mengkaji semula dan menyelami jiwa sendiri untuk melaksanakan respond yang lebih kreatif dan imaginatif terhadap permintaan rakyat yang mahukan lebih ruang demokratik untuk melahirkan pandangan dan keprihatinan mereka tanpa menjejaskan undang-undang dan peraturan di negara ini.

Saya telah memeriksa dengan beberapa orang yang berada di kawasa Jalan Tuanku Abdul Rahman awal petang Sabtu lepas dan saya percaya laporan di atas boleh diterima

sebagai adil dan tidak berat sebelah.

Saya hendak menggesa supaya kerajaan dan pihak polis berhenti menganggap setiap rakyat Malaysia yang mengharapkan ruang demokratik sebagai pengacau berpotensi atau 'bad-hat' yang patut dilayan secara kasar dan kejam oleh polis, tetapi sebaliknya menyelesaikan masalah bukan sebagai isu polis atau keselamatan tetapi sebagai satu cabaran politik berikutan meningkatnya permintaan pendemokrasian rakyat Malaysia.

Adalah suatu tragedi yang besar sekiranya polis mengambil keputusan dasar untuk merekahkan kepala dan menanam perasaan marah dan benci di kalangan rakyat terhadap pihak berkuasa dengan menggunakan kuasa maksima dan bukannya minima, hanya kerana kerajaan tidak bersedia memberikan ruang demokratik yang lebih luas kepada rakyat Malaysia supaya dapat menikmati hak asasi mereka.

Apa salahnya, sebagai contoh, sekiranya diadakan saluran untuk rakyat Malaysia yang mahu berhimpun secara aman untuk melahirkan keprihatinan dan aspirasi mereka, samada mengenai keadilan, kebebasan, demokrasi dan pentadbiran baik, sekiranya mereka tidak menggugat undang-undang dan peraturan? Kerajaan dan pihak polis harus menghentikan spiral keganasan di antara polis dan rakyat yang sepatutnya disalurkan kepada perbincangan politik serius yang baru di negara ini.

Malaysia sedang menghadapi krisis politik yang serius termasuk isu-isu keyakinan, kredibiliti dan keesahan, dan melainkan masalah ini diselesaikan, adalah kurang

berkemungkinan krisis ekonomi dapat diselesaikan sepenuhnya. Satu cara untuk menyelesaikan krisis politik adalah: Mahathir membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihanraya umum supaya mendapatkan mandat yang jelas dari rakyat jelata, supaya rakyat Malaysia dapat bersatu padu sekali lagi menangani krisis ekonomi paling buruk di dalam sejarah negara kita selepas pilihanraya umum nanti. Bagaimanapun, Mahathir telah dengan jelasnya menolak cadangan mengadakan pilihanraya awal, suatu pilihan yang masih ketara pada awal September sehinggalah beliau sedar bahawa Anwar tidak dapat dihapuskan begitu sahaja sebagai faktor politik sungguhpun beliau telah dilucutkan dari Kerajaan dan dipecat dari UMNO - kerana Anwar nampaknya masih hidup secara politik dan berupaya mendapat sokongan yang besar.

Sekiranya Mahathir tidak bersedia mengadakan pilihanraya umum yang awal untuk menyelesaikan krisis politik menerusi mandat politik yang baru, maka beliau sepatutnya mengambil inisiatif mengadakan Persidangan Meja Bulat Semua-Parti/NGO sebagai menyedari sepenuhnya aspirasi rakyat Malaysia yang mahukan reformasi politik serta pendemokrasian yang lebih meluas, melibatkan rakyat dari semua kepercayaan politik dan sektor masyarakat untuk menggaris pelan induk politik yang baru yang dapat memastikan semua rakyat menikmati ruang demokrasi, kebebasan dan keadilan di negara ini.

Isu-isu yang harus ditangani oleh Persidangan Meja Bulat Semua-Parti/NGO ini haruslah termasuk integriti dan kebebasan badan kehakiman, integriti Kamar Peguam Negara, integriti pihak Polis, kebebasan akhbar, kebebasan bersuara, berhimpun, berkesatuan, maklumat dan pilihanraya umum yang bebas, adil dan bersih.



### ***Kawalan Modal - Persoalan***

Belanjawan 1999 bukan hanya menolak Belanjawan 1998, ia mempunyai dua tema penting: pertama, krisis kewangan selama 15-bulan ini merupakan hasil konspirasi Barat yang melibatkan bukan sahaja spekulator matawang serta operator hedge fund, tetapi juga kuasa-kuasa dan kepentingan-kepentingan Barat, termasuk agensi-agensi pengkadaran serta media-media Barat; dan kedua, pemulihan ekonomi telah bermula khasnya setelah kerajaan menggugurkan dasar-dasar Anwar dan mengenakan kawalan modal dan pertukaran asing sehinggakan Malaysia boleh mengharapkan pemusingan KDNK setinggi 5.8% dari pertumbuhan negatif 4.8% tahun ini, menjadikan pertumbuhan positif 1% tahun depan.

Keberkesanan kawalan modal yang diperkenalkan pada 1 September masih merupakan sesuatu yang kontroversi. Dalam persidangan serantau mengenai 'Pasar Kewangan, Pengurusan Korporat & Masa Depan Kejayaan Asia' (Financial Markets, Corporate Governance & Future of the Asian Miracle), Professor Robert Barro berpendapat, samada kawalan modal ini diperkenalkan atau tidak, negara ini masih akan mengalami pemulihan dalam segi pertumbuhan ekonomi .

Beliau berkata: "Bagi saya, saya akan menghapuskannya sekarang juga. Bahaya langkah ini untuk jangka panjang adalah ia akan menjadi sukar untuk dihapuskan atas sebab politik, dan sekiranya ia dilaksanakan untuk jangka pendek, maka orang ramai akan kluatir bahawa kerajaan akan mengulangi lagi."

DAP tidak membantah langkah-langkah kawalan modal ini kerana dalam masa-masa yang luar biasa, kita mungkin memerlukan langkah-langkah yang luar biasa untuk menangani kesukaran yang timbul. Bagaimanapun, sesetengah isu dan kontradiksi dasar kerajaan memerlukan penjelasan selanjutnya, sebagai contoh:

1. mengapakah kawalan modal tidak dikenakan lebih awal lagi? Usaha seperti menutup CLOB dan menyalur balik semua deposit ringgit di luar negara adalah dialu-alukan, tetapi semua ini seharusnya dilakukan lebih awal lagi. Perdana Menteri nampaknya berpuashati dengan keadaan semasa semuanya berjalan dengan lancar di mana modal mengalir masuk, sungguhpun langkah-langkah strategik ekonomi ini seharusnya diambil beberapa tahun yang lepas.
2. Kontradiksi Perdana Menteri semasa menyerang spekulator matawang asing:
  - (a) Bank Negara merupakan spekulator matawang asing yang paling besar di antara tahun 1992-3 di mana Nor Mohamaed Yaakob (George Soros Malaysia) dikenali sebagai Top Cat di kalangan pedagang matawang asing sedunia sehinggalah beliau kerugian sebanyak US\$4 bilion;
  - (b) Perlantikan Saloman Smith Barney sebagai penasihat kewangan kerajaan Malaysia sungguhpun rekod prestasinya menunjukkan syarikat itu merupakan salah satu dari tiga pemain utama

yang cuba menjatuhkan dollar Hong Kong baru-baru ini.

3. Atas asas apakah kadar pertukaran RM3.80 berbanding US\$1 ditetapkan? Adakah sebarang nasihat yang diberikan oleh para pembiaya antarabangsa ataupun ia hanya merupakan satu penetapan sewenang-wenang sahaja, kerana angka-angka ini nampaknya bertuah? Kerajaan sebelum ini pernah mengkritik penurunan nilai matawang Ringgit dari kadar RM2.5 berbanding US\$1. Adakah penetapan yang begitu tinggi pada satu kadar pertukaran yang tetap ini berbanding dengan kadar pertukaran lama satu pengakuan senyap bahawa ringgit memang telah terlebih nilai oleh pasaran?
4. Mengapakah kadar pertukaran hanya ditetapkan untuk US dollar dan tidak ditetapkan untuk matawang asing yang lain? Adakah penetapan kadar tukaran berkesan seratus-peratus memandangkan spekulasi terhadap ringgit masih boleh dijalankan menerusi lain-lain matawang asing, menerusi pertukaran. Adakah fakta bahawa tidak berlakunya serangan ke atas ringgit menerusi pound sterling, Deutschmark Jerman atau yen Jepun menunjukkan bahawa Perdana Menteri sebenarnya menghadapi 'kompleks penindasan' yang menganggap bahawa ringgit telah dijadikan sasaran serangan khas?

Kerajaan harus menggalakkan pengaliran modal - samada jangka panjang atau jangka pendek - tetapi menghadkan pengaliran keluar modal jangka pendek dalam suatu lingkungan

masa yang ditetapkan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan kini telah menghalang dengan totalnya kemasukan modal jangka pendek. Ini sama seperti mengunci pintu kandang selepas semua kuda telah lari. Ini merupakan tindakan yang berpandangan singkat kerana sekiranya kuda-kuda ini (modal jangka pendek) ingin batal balik, mereka tidak akan dapat cari pintu masuk. Seperti mana yang dihuraikan, apa lagi yang perlu dikawal sekiranya tidak ada lagi modal?

'Hot money' tidak ada salahnya sekiranya sekatan pengaliran keluar dikenakan. Penyekatan ke atas orang asing yang membeli saham dari menghantar balik keuntungan mereka dalam tempoh satu tahun adalah tidak bijak. Sekiranya kita mahu memulihkan bursa tempatan, modal jangka pendek juga harus digalakkan. Tidak ada jaminan bahawa mereka ini tentu akan mendapat untung. Dan adalah agak tidak mungkin mereka ini dapat menekan harga saham memandangkan short-selling masih diharamkan. Tetapi sekiranya kita mahu menghalang mereka dari menjual saham mereka secara tiba-tiba dan melarikan diri, maka langkah yang lebih adil harus dikenakan seperti mengenakan cukai pemegangan 3% untuk masa satu bulan dan kadar ini semakin kurang untuk tempoh pemegangan berpanjangan. Sekurang-kurangnya cara ini akan membantu menggalakkan sedikit pengaliran masuk.

Apa yang perlu diberi perhatian di sini adalah satu laporan yang mengatakan bahawa pasaran saham Asia Tenggara telah memantul secara kuatnya sejak permulaan bulan ini, dengan satu negara yang ketinggalan - Malaysia. Alasan yang diberikan adalah kerana 'Kuala Lumpur menembak

kakinya sendiri sebelum perlumbaan bermula dengan pengenaan kawalan modal pada 1 September”.

Laporan berkenaan menyatakan:

“Ironi sekali, kesan paling ketara hasil dari langkah-langkah yang bertujuan untuk mengelakkan kejatuhan saham-saham Malaysia secara berterusan ini juga telah menghalangnya dari menaik.

“Oleh sebab pasaran memang bersifat pelobi lantang dan berkuasa (dan adalah jelas sekali perlu memikul sekurang-kurangnya sebahagian dari tanggungjawab yang menyebabkan pengawalan dikenakan), persoalan pertama yang akan timbul apabila perasaan iri hati menggantikan perasaan takut dalam fikiran para pemegang saham Malaysia adalah samada para penggubal dasar Malaysia akan berjaya dipujuk supaya menghapuskan atau meminda sebahagian dari sekatan-sekatan ini.”

Laporan ini, yang ditulis dua hari sebelum Belanjawan 1999 dibentangkan oleh Mahathir di Parlimen, telah membuat penyelidikan berikut mengenai pasaran-pasaran serantau:

“Pada 5hb Oktober, sebelum lantunan terbaru bermula, STI mencapai mata 884, sekali lagi gagal mencapai tahap lebih dari 900 mata. Tetapi 11 hari berdagang selepas itu, indeks hari semalam telah melambung ke lebih kurang 1,140 mata - kenaikan 256 mata atau 29 peratus.

“Di Hong Kong, pasaran saham telah juga sekali lagi menjunam berpuluh kali dalam minggu-minggu kebelakangan

ini dari tahap ketahanan 8,000 mata, sehingga ke tahap rendah 7,565 mata pada penutup 5hb Oktober. Semalam, mengikut Indeks Hang Seng, saham Hong Kong telah meningkat sebanyak 2,100 mata atau 28 peratus.

“Di Negeri Thai, setelah mengundur untuk satu minggu dari tahap 250 mata yang berkali-kali cuba diatasinya, indeks pasaran Bangkok mencapai 246 mata pada 5hb Oktober. Semalam, indeks Bangkok mencapai 323 mata, kemajuan sebanyak 77 mata - atau penambahan 31 peratusan pada aras harga saham.

“Dan Kuala Lumpur pula macam mana?”

“Setelah menjunam dengan dahsyat sekali dari pemulihan yang dipandu selaras dengan pengenalan langkah pengawalan modal serta pembaharuan dasar kredit yang seiringan, BSKL telah mencapai tahap rendah 360 mata pada 5hb Oktober. Semalam, ia mencapai 424 mata - kenaikan 64 mata atau 18 peratus.

“Kenaikan ini jauh ketinggalan dari rekod Singapura dan Hong Kong, dan hanya lebih sedikit dari setengah kadar pemulihan yang dicatatkan oleh Bangkok.

“Ini juga jauh berbeza dengan rekod pelambungan sebaik sahaja pengenalan pengawalan modal pada 1hb September, yang selaras dengan kempen pembelian yang diaturkan oleh institusi-institusi tempatan bertujuan untuk menambahkan keyakinan pasaran yang amat kekurangan.

“Pelambungan selama empat hari di pasaran saham Kuala Lumpur telah membolehkan indeks BSKL yang hanya

mencapai 262.7 mata pada hari langkah-langkah kawalan modal mula diperkenalkan, menjadi 445 mata empat hari kemudian.

“Tetapi kini, kesannya semakin merupakan suatu pemulihan yang hanya mengecewakan. Lebih kurang empat minggu ini, semasa pantulan yang besar kelihatan di pasaran-pasaran serantau, saham-saham Kuala Lumpur telah menyerah sebahagian besar dari keuntungan yang diperolehi dan gagal dalam perlumbaaan ombak dagangan yang berlaku di rantau ini.

“Banyak sebabnya: Dua sebab yang menghalang wang-wang luar persisiran dari memasuki Malaysia sekarang adalah:

“Peraturan tempoh pemegangan ringgit selama satu tahun telah menakutkan para pelabur. Sesetengah pihak bertanya: selepas membekukan dana untuk satu tahun, apakah yang akan menghalang kerajaan dari menambahkan sekatan itu kepada dua, atau tiga tahun? Adalah lebih selamat tidak melabur daripada merasa kesal di masa depan.

“Banyak dana kini telah dihalang oleh ikatan amanah mereka dari melabur di saham-saham Malaysia. Berikutan dengan kawalan yang dikenakan ini, pasaran Malaysia telah terlucut dari indeks-indeks global, yang merupakan tanda pengukur bagi para pengurus dana.

“Berita mengenai kegagalan membayar balik pinjaman yang menjadi tajuk utama bulan ini yang melibatkan kumpulan industri terbesar di negara ini Renong Bhd, telah memokuskan perhatian pasaran ke atas masalah hutang tak berbayar di dalam ekonomi Malaysia, yang mungkin akan diperburukkan

lagi oleh arahan kerajaan supaya bank-bank meneruskan pinjaman mereka demi mencapai sasaran pertumbuhan minima.”

Laporan itu menyatakan bahawa adalah terlalu awal untuk membuat kesimpulan muktamad mengenai kawalam modal Malaysia. Tetapi tanda-tanda awal dari pasaran saham tidak menggalakkan dan dalam minggu-minggu dan bulan-bulan hadapan - sekiranya pemulangan para pembeli ke lain-lain pasaran saham serantau berterusan tetapi Malaysia ketinggalan - pasaran akan membuat pengadilan muktamadnya.

Menteri Kewangan, semasa menggulung perbahasan belanjawan nanti, harus membalas terhadap reservasi mengenai kesan kawalan modal ke atas bursa tempatan.

### ***Bail-out dan Kapitalisma Kroni***

Adalah sesuatu yang disesali bahawa peluang yang diberikan oleh kawalan modal ini tidak digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan pembaharuan struktur ekonomi dan kewangan. Sebagai contohnya, tidak satu perkataan pun yang menyentuh mengenai perang menentang rasuah dan kronisma dalam Belanjawan 1999.

Sektor perbankan merupakan sektor paling dikhuatiri dengan bertambahnya NPL dan pengkapitalisasi yang tidak cukup. Memanjangkan klasifikasi NPL dari tiga bulan menjadi enam bulan sebenarnya langkah mengundur yang berpisah dari dan bukannya mengikuti amalan perbankan antarabangsa yang terbaik. Jelas sekali ini merupakan satu cubaan bodoh untuk menyembunyikan masalah bad loans.



Cadangan bail-out Renong dalam usaha RM10.5 bilion merupakan satu lagi kes yang jelas. Ia melibatkan waiver sebanyak RM824 juta pinjaman sokongan kerajaan kepada PLUS dan akan memaksa para pembayar cukai menanggung sebanyak RM250 juta setahun untuk beberapa tahun seterusnya dalam segi kos bond penjaminan kerajaan, faedah atas kelewatan pembayaran pinjaman sokongan kerajaan serta perlepasan pengutipan cukai dari operator lebuh raya UEM, PLUS.

Kerajaan telah gagal mematuhi peraturan ketelusan yang dicadangkan oleh PPEN MTEN dalam segi bail-out Renong, serta juga usaha RM1.1 bilion bail-out Bank Bumiputra (usaha bail-out kali ketiga dalam tempoh 12 tahun) dan DAP menyeru supaya ketelusan sepenuhnya diturutan dalam segala usaha bail-out kerajaan selaras dengan cadangan PPEN supaya mengelakkan kesan buruk ke atas keyakinan orang awam serta para pelabur.

PPEN telah mengemukakan banyak cadangan untuk memulihkan keyakinan, tetapi kebanyakannya tidak dilaksanakan atau dituruti.

Sebagai contohnya, Bab keempat PPEN mengenai langkah-langkah pembinaan keyakinan mencadangkan penggarisan peraturan untuk membantu industri-industri dan syarikat-syarikat.

Ia menyeru supaya perbezaan dibuat di antara bantuan kepada syarikat-syarikat dilanda masalah yang hanya melibatkan syarikat-syarikat swasta dan bantuan-bantuan yang melibatkan kerajaan. Untuk transaksi sektor swasta, ia harus diteruskan tanpa sebarang sekatan asalkan ia memenuhi

keperluan perundangan dan lain-lain panduan yang berkaitan dengan transaksi korporat.

PPEN mencadangkan supaya bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat bermasalah dipandu dengan tiga kriteria, iaitu kepentingan negara, kepentingan strategik dan mengambilkira ekuiti di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

PPEN mencadangkan bahawa secara prinsipnya, tidak harus berlakunya bail-out pelabur atau peminjam individu menerusi dana awam, "kecuali bagi industri dan perbadanan-perbadanan dalam sektor penting dan strategik yang mempunyai kepentingan negara".

Dalam kes "campur tangan kerajaan atau bank pusat untuk terlibat bagi membantu bank atau syarikat yang bermasalah", PPEN menekankan:

"Bagi mana-mana tindakan tersebut, ketelusan bagi pelan tindakan adalah paling utama supaya tidak akan timbul kesan buruk terhadap kresibiliti pihak berkuasa, dan oleh itu, keyakinan rakyat dan pelabur. Mana-mana urusan korporat bagi tujuan tersebut perlu disertai dengan penzahiran secara segera butir-butir lengkap kewangan."

Ia menambah lagi: "Dalam hal bantuan yang melibatkan dana awam, pelabur swasta dan pemberi pinjaman perlu mengambil tindakan masing-masing dengan sewajarnya. Kecuali bagi keadaan yang tertentu, penganjur, pengawal dan pihak pengurusan entiti yang dibantu harus dilihat sebagai

diasingkan dari kawalan dan penglibatan mereka. Bukti tentang daya maju perlu ditentukan sebelum komitmen mengenai bantuan tersebut diberikan.”

Sebagai contohnya, apakah sebabnya Renong dan Bank Bumiputra menghadapi masalah bad loan yang begitu besar jumlahnya dan adakah pengurusan Renong dan Bank Bumiputra ‘melepaskan kawalan dan penglibatan mereka’ sebagai sebahagian dari syuarat bailout kerajaan sebagaimana yang dicadangkan oleh PPEN. Mengapakah tidak berlaku sebarang bahaya moral (moral hazard) atau dikenakan hukuman ke atas pemilik-pemiliknya seperti Halim Saad yang masih mengekalkan pemilikan 17% di Renong.

Dalam kes Bank Bumiputra pula, kerajaan harus menjelaskan mengapakah ia perlu menyuntik RM1.1 bilion untuk menyelamatkan Bank Bumiputra - iaitu RM350 juta lebih dari angka RM750 juta yang pernah diumumkan enam bulan yang lepas.

Bulan lepas, adalah diumumkan bahawa Bank Bumiputra Bhd, bank kedua terbesarnya di negara ini, menghadapi kerugian RM1.4 bilion untuk tahun perakaunan berakhir pada 31 Mac, dengan provisi pinjamannya sebanyak RM2.5 bilion.

Apa yang memeranjatkan adalah bahawa kerajaan terpaksa menyuntik RM1.1 bilion untuk menyelamatkan Bank Bumiputra menerusi Khazanah Nasional Bhd, terdiri dari bahagian ekuiti RM400 juta dan RM700 juta dalam bentuk saham ‘irredeemable cumulative convertible preference’ (ICCPs), kerana hanya enam bulan yang lepas rakyat diberitahu bahawa senario paling buruk untuk Bank Bumiputra adalah: kerajaan mungkin

perlu menyelamatkannya dengan RM750 juta.

Adalah sungguh memmeranjatkan bahawa kerajaan tidak terfikir bahawa ada sesuatu yang tidak kena yang menyebabkan Bank Bumiputra perlu diselamatkan untuk kali ketiga dalam tempoh 12 tahun - kali pertama dalam 1986 di mana Petronas terpaksa menyuntik RM2.5 bilion untuk selamatkannya dari insolvensi hasil dari skandal BMF RM2.5 bilion, dan kali kedua dalam 1989, di mana Petronas menyuntik RM982 juta lagi selepas BBMB mengalami kerugian RM1.06 bilion tahun berkenaan khasnya disebabkan oleh provision besar sebanyak RM1.23 bilion pinjaman tak berbayar.

Kini Bank Bumiputra dilihat sebagai sebuah bank yang terpaksa diselamatkan menerusi dana awam tiga kali dalam tempoh 12 tahun yang melibatkan sejumlah RM4.6 bilion - tanpa seorang pegawai banknya yang dikenakan tindakan undang-undang atau bertanggungjawab ke atas salah urus yang melibatkan dana awam raksaksa ini!

Selaras dengan pandang-cadangan PPEN mengenai peraturan-peraturan bailout kerajaan bank-bank dan syarikat-syarikat yang bermasalah, kerajaan harus menjawab kepada Parlimen dan membekalkan ketelusan yang lebih menyeluruh terhadap tindakan bail-outnya - khasnya kini kelihatan ujudnya senarai panjang syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan politik rapat yang menunggu giliran mereka untuk diselamatkan oleh kerajaan, bermula dengan MAS.

Isu bahaya moral (moral hazard) harus juga dikenakan ke atas bank-bank yang mana NPLnya diambilalih oleh

Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, misalnya pengambilalihan RM6 bilion NPL Sime Bank. Ini serta pengkapitalisasi semula bank-bank tidak harus bertukar menjadi dana awam disalah gunakan untuk menyelamatkan dana-dana tanpa membawa sebarang risiko atau kerugian kepada pemiliknya. Jika tidak, pemilik-pemilik berkenaan akan berada dalam suatu situasi 'saya menang semua', iaitu mengaut keuntungan dan orang ramai yang memikul kerugian.

### ***Perangkap Kecairan***

Tujuan utama kawalan modal dalam fikiran Mahathir adalah mengurangkan kadar faedah demi membantu kroni-kroninya. Bahayanya kadar faedah yang terlalu rendah telahpun digariskan oleh PPEN seperti berikut:

1. Kadar faedah yang rendah akan membolehkan bank melengahkan pelarasan imbalan kira-kira, tetapi kecairan akan dibekukan dalam bentuk aset tidak berbayar;
2. Kurang pelarasan nilai aset akan menyekat pencernaan pasaran (market clearing) dan menghadkan peluang pelaburan kepada pelabur tempatan dan luar negara.
3. pada peringkat awal, kadar faedah yang rendah akan membawa kepada pertumbuhan kredit berkualiti rendah (pinjaman kecemasan), yang akan menambatkan masalah NPL bank. Namun, lama kelamaan ekonomi yang lemah dan masalah hutang lapuk yang berpanjangan akan menjadikan bank keberatan

untuk mengeluarkan pinjaman baru, dan ini akan membawa kepada tekanan kredit walaupun kadar faedah rendah.

Bagaimanapun, kadar faedah yang rendah mungkin tidak akan berjaya merangsangkan ekonomi sebagaimana yang digambarkan oleh keadaan di Jepun di mana kadar pinjaman antara-banknya hanya setinggi 0.25%, tetapi ekonomi Jepun masih nazak. Ini merupakan satu keadaan klasik 'perangkap kecairan' (liquidity trap) di mana sungguhpun dana-dana mudah diperolehi, ekonomi masih tidak mengembang kerana keyakinan dan harapan para pelabur dan pengguna masih rendah.

Ujud juga bahaya meningkatnya inflasi berikutan dengan penurunan kadar faedah. Ekonomik klasikal menyatakan bahawa kadar faedah yang rendah akan menghukum penyimpan tetapi menguntungkan peminjam. Dengan kadar faedah yang lebih rendah dari kadar inflasi masa kini setinggi 6%, besar kemungkinan berlakunya kadar faedah sebenar yang negatif. Dalam artikelnya baru-baru ini, MIER nampaknya merasa sangsi terhadap dasar kewangan yang longgar dan kegagalan dalam usaha menstruktur semula ekonomi.

Akhir sekali, kapitalisma kroni mesti dihapuskan di mana urusan-urusan yang tersayang, seperti Yeoh Teong Lay yang mendapat kadar kuasa letrik yang tinggi dari TENAGA atas asas pembelian wajib hanya akan mengangu lagi keadaan ekonomi. Kegagalan untuk melakukan semua ini akan mengakibatkan kehilangan keberkesanan dan produktiviti.

***Kawalan Modal - Selamatkan dan bukannya  
jahanamkan ekonomi***

Sebagai kesimpulan, Professor Jagdish Bhagwati dari Universiti Columbia, seorang pedagang-bebas, menyokong kawalan modal yang cermat tetapi berpendapat ia boleh dilakukan hanya selepas krisis telah diatasi dan bukannya tergesa-gesa melaksanakannya semasa krisis masih berlarutan sebagai cara penyelesaian krisis. Beliau berkata: "Sekiranya kamu telah terlanggar oleh krisis, dan banyak modal luaran telah mengalir keluar, saya memang tidak nampak apa-apa kelebihan dalam langkah-langkah pengawalan ini lagi. Memang benar, sebagaimana yang diperhatikan oleh Krugman baru-baru ini dalam sokongannya terhadap tindakan kawalan, memang wujudnya satu kelebihan yang diketahui umum: kamu boleh menurunkan kadar faedah kerana pasaran kamu kini telah terasing atau diputuskan dari dunia luar. Tetapi apakah gunanya sekiranya kesan kawalan ini akan membuat setiap orang, termasuk pelabur kamu sendiri, merasa lincah dan gementar tentang hala tujuan kamu."

Inilah keadaannya apabila Mahathir meramalkan kadar pertumbuhan 1% yang sama dengan ramalan yang dibuat sebelum kawalan modal dilaksanakan sebelum Anwar dilucutkan jawatannya.

Ahli ekonomi utama World Bank untuk bahagian Asia Timur, Dr. Richard Newfarmer, ditanya baru-baru ini dalam satu persidangan serantau mengenai 'Pasaran Kewangan, Pengurusan Korporat & Masa Depan Keajaiban Asia' di Kuala Lumpur samada Malaysia akan menggunakan sepenuhnya

peluang yang ada untuk menyusun semula sistem kewangan dan struktur korporat tak mampu bayar yang bermasalah. Jawapannya tentulah negatif sebagaimana yang dipertunjukkan oleh tindakan penyelamatan Renong yang memakan belanja RM11.3 bilion. Dr. Richard berkata bahawa kos-kos dari kawalan modal akan menyebabkan kadar faedah yang tinggi kepada peminjam asing. Mungkin inilah sebab mengapa dana-dana kita di dalam KWSP dan SOCSO kini dipergunakan sewenang-wenangnya dan kerajaan tidak berupaya membayar bonus.

Perhatian yang sama juga dibuat oleh Professor Robert Barro dari Harvard, Dr. Don Hanna dari Goldman Sachs, dan Prof Wolfgang Kasper dari Universiti New South Wales. Yang pertama menyeru supaya ia dihapuskan, yang kedua menggelarnya sebagai membingungkan, dan yang ketiga merasakannya satu kesilapan. Saya tidaklah bersetuju sepenuhnya dengan pendapat mereka. UNCTAD yang menyokong kawalan modal ke atas dana jangka pendek tidaklah mungkin silap. Tetapi saya bersetuju bahawa sistem kewangan dan ekonomi kita memerlukan reformasi supaya kapitalisma kroni ditamatkan dan tidak berlakunya bailout perniagaan-perniagaan swasta menerusi dana awam tetapi syarikat-syarikat swasta yang harus bail-in/mengambil alih struktur-struktur korporat tak mampu bayar. Dengan cara ini, barulah kawalan modal akan berhasil!

Kerajaan tidak harus menggunakan perbelanjaan fiskal belanjawan defisit untuk mengkayakan ataupun menyelamatkan kroni-kroninya dengan melaksanakan projek-projek infrastruktur berprestij yang hanya merupakan gajah putih tetapi



sebaliknya harus menumpukan ke atas projek-projek yang secara terus menguntungkan orang biasa.

Tidak lagi berlakunya skandal Perwaja, tidak lagi menyelamatkan syarikat-syarikat seperti Proton dan HICOM yang menghadapi hutang dan masalah tak mampu bayar. Jika boleh, dapatkan penglibatan asing dengan kerajaan yang menguasai pemilikan.

Kita perlu menggunakan kawalan modal untuk menyelamatkan ekonomi negara dan bukannya membiarkan sahaja kawalan modal menjalankan tugasnya sendiri. Jika tidak, ekonomi kita akan dijahanamkan.

### ***Adakah MSC itu 'wap' sahaja?***

Dua tahun telah berlalu sejak Koridor Raya Multimedia - MSC dikonsepsikan dan dilaksanakan. Sampai hari ini, sejumlah 179 syarikat telah memperolehi status MSC diikuti dengan segala kebaikan yang diperlukan. Selaras dengan usaha mempromosi industri ini, MSC juga melibatkan aplikasi flagship yang akan membawa negara ini ke dalam era maklumat.

Antara flagship ini, ada beberapa yang mempunyai impak langsung ke atas rakyat Malaysia dan secara amnya menukar cara kehidupan kita apabila dilaksanakan nanti. Antaranya adalah Sekolah Bistara, Kerajaan Elektronik, 4 Teleperubatan dan Kad Berbagai Gunaan.

Banyak Organisasi Pembalas (Responding Organizations -RO) terhadap tawaran-tawaran yang berjaya telah diumumkan,

ada yang dikenali oleh industri dan ada yang dikenali umum. Mungkin kini tiba masanya supaya menteri-menteri berkenaan membuat pengumuman terbuka mengenai RO-RO yang memang dalam tawaran mereka dan memandatkan RO-RO ini mengumumkan pelan pelaksanaan mereka supaya orang ramai tahu apakah dia teknologi baru yang akan memberi kesan ke atas kehidupan mereka serta untuk memastikan kebertanggungjawaban dana-dana para pembayar cukai.

Kekurangan pengetahuan tentang MSC masa kini - yang pada suatu ketika dulu pernah mendapat liputan muka depan media-media tempatan - sungguh merisaukan. Apakah yang terjadi kepada janji-janji era maklumat baru dan apakah yang berlaku kepada berbagai projek-projek yang mana tawaran-tawaran mereka diberikan? Multimedia Development Corporation - MDC - yang menguruskan MSC telah menjadi sungguh senyap sekali. Mereka seharusnya mengemukakan laporan kemajuan kepada orang ramai mengenai status flagship-flagship MSC ini serta identiti-identiti para pemenang RO-RO. Keadaan senyap dari MDC ini merisaukan dan hanya akan menambahkan kekeliruan yang mengelilingi MSC yang pernah seketika dahulu menjadi topik hangat di negara ini.

Di dalam lingkungan geografi MSC ini, rakyat telah dijanjikan akan terdapatnya dua bandaraya yang berteknologi tinggi - Cyberjaya dan Putrajaya. Apakah perkembangan dalam segi ini? Adakah infrastruktur-infrastruktur asas telah dipasang dan adakah keperluan teknologi syarikat-syarikat berstatus MSC dicapai supaya mereka boleh berpindah masuk dan memulakan

operasi mereka secepat yang mungkin? Di samping itu, persoalan masih ujud mengenai cara agensi kerajaan berpindah masuk ke Putrajaya dan operasi perniagaan dalam era maklumat. Malah laman Suruhanjaya Pilihanraya di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) yang banyak mendapat pujian seketika dulu kerana membolehkan orang ramai memeriksa senarai pemilihan kini telah hilang dan digantikan dengan banner 'Under Construction' sahaja. Adakah kemajuan-kemajuan teknologi ini hanya sementara sahaja ataupun mereka ini sepatutnya menjadi arus utama ekonomi baru? Adakah kita akan melihat lebih banyak jabatan Kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang memaparkan laman mereka sendiri untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia mendapat akses yang lebih mudah kepada kerajaan?

Laman-laman statik dengan gambar Menteri-menteir serta Ketua-ketua Pengarah berkenaan sungguh kosmetik sekali dan tidak membantu mencapai ke arah penggunaan teknologi maklumat di dalam operasi kerajaan. Satu kerajaan elektronik haruslah menawarkan lebih dari apa yang ditawarkan masa kini dan ia harus membolehkan orang awam melakukan transaksi dengannya menerusi jari ditetikusnya. Selaras dengan ini, adalah sungguh merisaukan bila diperhatikan bahawa tidak muncul sebarang berita atau kelihatan kemajuan di dalam projek untuk menubuhkan kiosk-kiosk maklumat di seluruh negara. Sesetengah kiosk yang telah ditubuhkan kini tidak beroperasi lagi dan bertukar menjadi monumen barang-barang metalik terpakai yang uzur.

Sebagai contoh, kad berbagai gunaan akan membolehkan setiap rakyat membawa sekeping kad bistari pengenalan

dan mungkin juga lesen memandu. Ini melibatkan kos kepada orang ramai dan Menteri berkenaan harus memberitahu orang ramai mengenai kos yang diperlukan untuk memohon kad pengenalan yang baru serta lesen memandu yang baru. Di samping itu, sejak satu dari sebab-sebab teknologi ini digunakan adalah untuk mengelakkan pemalsuan dokumen, maka RO-RO yang berkenaan harus memastikan keselamatan teknologi yang digunakan oleh mereka. Adalah penting sekali untuk membangkitkan di sini bahawa langkah-langkah keselamatan yang kabur sama sahaja dengan langkah-langkah keselamatan yang palsu. Masyarakat umum Malaysia tidak akan menerima langkah-langkah keselamatan yang lemah yang dipaksakan ke atas mereka dengan kos yang tinggi kerana ini tidak akan menyelesaikan masalah pemalsuan kad-kad pengenalan dan sebagainya.

Flagship kerajaan elektronik yang mempunyai kesan yang langsung atas cara rakyat Malaysia melakukan urusan perniagaan serta berurusan dengan kerajaan kini diselubungi kekaburan. Kekurangan maklumat mengenai perkembangan kini serta cara projek ini akan memberi kesan ke atas rakyat biasa telah menyebabkan ramai orang menganggap usaha ini sebagai membazir sahaja. Kerajaan elektronik yang dilaksanakan dengan cara yang betul akan menjimatkan banyak kos operasi kerajaan, tetapi penjimatan ini akan menjadi olok-olok sekiranya orang awam yang bakal menggunakan teknologi baru ini tidak diberitahu mengenai butir-butir projek ini dan lebih buruk lagi, akan menjauhkan diri dari menggunakan kemudahan ini kerana harganya terlalu tinggi. Bertambah buruk lagi, ia akan menjadi satu kekurangan sekiranya orang ramai tidak dapat menggunakan

sepenuhnya bentuk interaksi ini. Kita sepatutnya memulakan program mendidik orang ramai mengenai langkah-langkah teknologi yang bakal diperkenalkan ini tetapi apa yang kita nampak hanyalah nyanyian "Cinta IT" di RTM selepas berita. Adakah menyanyi sebuah lagu merupakan jalan mendidik rakyat Malaysia mengenai penggunaan kerajaan elektronik?

Projek sekolah bistari telahpun ditangguhkan. Tambahan lagi, kenyataan-kenyataan bertentangan telah menimbulkan kekeliruan mengenai status sebenarnya projek ini. Adakah ia berjalan mengikut jadual dan samada semua sekolah di negara ini akan menjadi sekolah bistara sebagaimana yang dirancang sebelum ini? Sekiranya jadual perlaksanaannya telah berubah, mengapakah maklumat ini tidak didedahkan kepada orang ramai? Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa dengan semua mekanisma teknologi ini, pelajar-pelajar kita akan berupaya mencapai keperluan era maklumat kelak? Adakah Kementerian Pendidikan telah memulakan kerja-kerja merancang sukatan pelajaran yang info-age friendly dari segi pedagogi? Sekiranya ya, mengapakah semua rancangan-rancangan ini tidak diterbitkan kerana mereka sebenarnya boleh dilaksanakan berperingkat-peringkat dan dengan itu memastikan terhasilnya pelajar-pelajar info-age ready?

Menteri Kewangan mengumumkan satu peruntukan RM110 juta untuk projek MSC di dalam ucapan Belanjawannya Jumaat lepas tetapi kita tidak diberitahu mengenai cara dana ini akan dibelanjakan dan kepada siapa dana-dana ini akan diagihkan. Setiap tawaran aplikasi flagship telah

dinilai mengikut dua kriteria: kefungsiian teknikal serta kos kewangan kepada kerajaan. RO yang menang dalam tawaran mereka haruslah mereka yang mengemukakan tawaran teknikal paling baik serta kos paling rendah. Tetapi apabila berita tawaran yang menang diumumkan, senarainya tidak diumumkan. Kekurangan ketelusan di projek-projek MSC ini semestinya akan mempelawa tuduhan-tuduhan kronisma dan nepotisma memandangkan rakyat Malaysia pada keseluruhannya tidak diberitahu tentang proses berkenaan.

Sebagaimana yang dibangkitkan awal tadi, kekurangan maklumat serta kesunyian yang tiba-tiba mengenai MSC ini sungguh membimbangkan memandangkan semua liputan besar-besaran dan kata-kata besar yang pernah dilalui pada peringkat permulaan pengenalannya. Keadaan senyap kini menyebabkan ramai orang meragui keupayaan MSC mencapai matlamat asalnya dan ramai orang sebenarnya telah berpendapat bahawa MSC hanya wap sahaja. Wap, atau Vapourware merupakan terma infotech yang pada dasarnya bererti sesuatu yang tidak ujud, seperti wap air. Adakah MSC ini Vapourware?